

Peter Chin dipilih Presiden baru SUPP
Utusan Online
December 12, 2011

KUCHING 11 Dis. - Datuk Seri Peter Chin Fah Kui dilantik sebagai Presiden baru Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) bagi tempoh 2012-2014 selepas menang tanpa bertanding pada proses pemilihan parti itu di sini hari ini.

Fah Kui secara rasminya dilantik ke jawatan itu setelah Jawatankuasa Pusat (CC) parti sebulat suara memilih beliau ekoran bekas Timbalan Setiausaha Agung SUPP, Datuk Seri Wong Soon Koh bersama kumpulannya memboikot Persidangan Perwakilan Tiga Tahun Sekali (TDC) parti berkenaan.

Sementara itu, jawatan timbalan presiden disandang oleh Timbalan Menteri Luar, Datuk Richard Riot Jaem manakala Setiausaha Agung parti pula dimenangi oleh Dr. Sim Kui Hian dan bendahari kekal kepada Datuk David Teng Lung Chi.

Dalam pada itu, tiga daripada empat jawatan naib presiden parti telah diisi oleh Datuk Lily Yong Lee Lee; Tan Joo Phoi serta Andy Chia Chu Fatt manakala satu jawatan lagi masih dikosongkan termasuk enam untuk jawatan Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC).

Fah Kui ketika menjawab soalan pemberita memberitahu, pihaknya tidak menolak kemungkinan kekosongan jawatan tersebut ditawarkan kepada kumpulan Soon Koh serta lima Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) SUPP itu.

"Ia satu cadangan yang baik tetapi keputusan dilakukan secara kolektif daripada CWC pada masa depan dan tidak dinafikan jawatan itu dikosongkan supaya ia boleh diisi oleh ADUN daripada parti ini," katanya pada sidang akhbar selepas proses pemilihan TDC di Ibu Pejabat SUPP di sini.

Justeru, Fah Kui merayu kepada semua anggota SUPP termasuk anggota CC di peringkat cawangan yang tidak menghadiri TDC kali ini supaya bersatu kembali kepada parti sekali gus mampu memainkan peranan yang efektif di dalam Barisan Nasional (BN) serta rakyat yang diwakili oleh parti tersebut.

"Anggota SUPP yang tidak menghadiri TDC kali ini diminta supaya jangan beranggapan bahawa mereka tidak diperlukan lagi oleh parti sebaliknya anda semua masih ahli keluarga SUPP dan kita berharap mereka akan dapat menghadiri mesyuarat CC yang akan diadakan dua kali setahun selepas ini.

"Kita juga akan bekerjasama rapat dengan BN secara lebih efektif lagi, maka tidak timbul persoalan bahawa parti ini tidak akan bekerjasama dengan parti pemerintah tersebut," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1212&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_09.htm